



Headline: Doktor rugi RM30,000 ditipu Macau Scam  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 3 July 2018

Language: Malay  
Section: Jenayah  
Page: 24

# Doktor rugi RM30,000 ditipu Macau Scam

➔ Mangsa beri data peribadi selepas dihubungi suspek menyamar polis

Oleh **Shahrinnahar Latib**  
cnews@nstp.com.my

► **Kuantan**

**S**udah banyak pendedahan mengenai penipuan sindiket Macau Scam di media massa, namun masih ramai terus menjadi mangsa dengan kes terbaru membabitkan seorang seorang doktor di Raub.

Mangsa yang berusia 72 tahun kerugian RM30,000 selepas terpedaya dengan lakonan sindiket penipuan itu.

Dalam kejadian pada 18 Jun lalu, mangsa dihubungi oleh suspek yang mengaku dari Mahkamah

Tinggi Alor Setar dan mendakwa warga emas itu mempunyai kes iaitu hutang cukai bagi syarikat yang didaftarkan atas namanya berjumlah RM17,600.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata mangsa menafikan perkara itu dan diminta oleh suspek untuk membuat laporan polis dengan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Alor Setar menggunakan talian telefon.

"Pada 28 Jun lalu, mangsa dihubungi oleh seorang lagi suspek menggunakan talian 04-7741222 yang mengaku sebagai pegawai polis dari IPD Alor Setar.

"Mangsa dimaklumkan bahawa beliau bukan sahaja ada kes hutang, malah turut terbabit dengan kes pengubahan wang haram yang menggunakan akaun banknya," katanya dalam satu kenyataan media, di sini, semalam.

Mohd Wazir berkata, mangsa menafikan perkara berkenaan dan diminta untuk memberikan nama pengguna serta kata laluan bagi



Mangsa dimaklumkan bahawa beliau bukan sahaja ada kes hutang, malah turut terbabit dengan kes pengubahan wang haram yang menggunakan akaun banknya"

**Mohd Wazir Mohd Yusof,**  
Ketua Jabatan Siasatan  
Jenayah Komersial Pahang

perbankan atas talian akaun CIMB untuk tujuan audit oleh pihak Bank Negara Malaysia (BNM).

"Mangsa yang percaya kemudian memberikan semua data peribadi, termasuk nombor TAC yang diterimanya kepada suspek. Tidak lama kemudian, mangsa yang tidak berpuas hati membuat panggilan ke pihak CIMB untuk membuat semakan.

**Wang dalam akaun dipindah ke akaun pihak ketiga**

"Hasil semakan mendapati wang berjumlah RM30,000 dalam akaun CIMB miliknya dipindahkan ke akaun pihak ketiga, iaitu akaun Hong Leong Bank tanpa pengetahuan mangsa. Mangsa kemudian membuat laporan polis di IPD Raub, semalam (kelmarin)," katanya.

Sementara itu, dalam kes berasingan, seorang mekanik berpuh mata kerugian RM6,950 selepas diperdaya sindiket yang menawarkan pinjaman wang yang tidak wujud di laman sosial Facebook, bulan lalu.

Mohd Wazir berkata, mangsa berusia 32 tahun berminat untuk membuat pinjaman wang selepas melihat iklan di Facebook iMoney pada 18 Jun lalu.

"Mangsa kemudiannya berhubung dengan ejen pemberi pinjaman berkenaan bernama Nick dan menyatakan mahu membuat pinjaman wang berjumlah RM25,000.

"Nick mengarahkannya membuat pembayaran wang bagi yuran memproses permohonan dan yuran peguam.

"Pada hari yang sama, mangsa memasukkan wang berjumlah RM6,950 ke akaun dalam akaun CIMB yang diberikan oleh suspek. Setelah memasukkan wang itu, mangsa berasa ditipu dan membuat laporan polis di IPD Kuantan, Sabtu lalu," katanya.

Beliau berkata, kedua-dua kes itu disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat, serta boleh dikenakan denda jika sabit kesalahan.